

PM China yakin Malaysia lebih berjaya

UM - 1 NOV 2003

KUALA LUMPUR 31 Okt. — Perdana Menteri China, Wen Jiabo menyatakan rasa kagum dan yakin yang Malaysia akan lebih berjaya di bawah kepimpinan Perdana Menteri Kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, beliau berharap hubungan dua hala di antara Malaysia dan China akan bertambah erat dari semasa ke semasa.

“Saya sentiasa bersedia untuk mengadakan perbincangan bagi membuka peluang-peluang baru untuk meningkatkan hubungan dua hala Malaysia-China,” kata Jiabo lagi.

Beliau berkata demikian di dalam perutusan tahniah beliau dan seluruh rakyat China kepada Abdullah sempena pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri hari ini.

Perutusan berkenaan dikeluarkan oleh Kedutaan China di sini hari ini.

Jelas Jiabo, di bawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia telah berjaya menjadi model kepada negara-negara sedang membangun dengan caranya yang tersendiri.

Oleh itu, katanya, China berharap kejayaan itu akan diteruskan oleh kepimpinan baru Malaysia.